

## **PERTANDINGAN MENCARI IKON SAHABAT FARMASI JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA**

### ***Pengenalan***

Ikon Sahabat Farmasi ini akan menjadi ikon rasmi Bahagian Perkhidmatan Farmasi selain logo Sahabat Farmasi (SF) sedia ada. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk mencari ikon yang sinonim dan mudah dikaitkan dengan negeri Melaka, ubat-ubatan serta peranan Sahabat Farmasi sebagai agen untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepenggunaan ubat-ubatan, termasuklah ubat berdaftar dan kosmetik bernoitifkasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

### ***Spesifikasi***

1. Rekacipta bolehlah dibuat sama ada menggunakan grafik komputer atau lukisan tangan (*free hand*).
2. Reka cipta logo hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) warna tetapi tidak melebihi tujuh (7) warna, tidak termasuk warna hitam dan putih.
3. Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.
4. Sekiranya menggunakan lukisan tangan: rekacipta hendaklah dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21 cm x 29.7cm) berwarna putih **dan** *softcopy* dalam format JPEG (resolusi 1280 x 960).
5. Sekiranya menggunakan grafik komputer, rekacipta hendaklah disediakan dalam bentuk bersaiz A4 (ukuran 21 cm x 29.7cm) berlatarbelakang putih **dan** *softcopy* dalam format JPEG (resolusi 1280 x 960).
6. Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk dan warna yang digunakan secara padat dan ringkas.
7. Setiap rekacipta mesti disertakan dengan penerangan dalam Bahasa Malaysia.
8. Ikon yang dicipta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana -mana pihak.
9. Peserta boleh memilih untuk menghantar penyertaan hanya dalam bentuk soft copy melalui emel (dalam format.jpeg). Peserta tersebut boleh memilih untuk tidak menghantarkan hard copy.

10. Peserta juga boleh menghantarkan kedua-dua hardcopy (pos/ hantar sendiri) dan softcopy (emel).
11. Penyertaan yang tidak disertakan bentuk soft copy akan terbatal secara automatik penyertaannya.

**CADANGAN IKON HENDAKLAH SESUAI DIGUNAKAN UNTUK TUJUAN:-**

1. *Maskot*
2. *Letterhead / Minute*
3. *Branding (for Sponsorship) or/and Acknowledgement of Sponsors/Donors*
4. *Souvenirs, Official Pin on Ties and Suits/Dresses*
5. *Publication / Banner / Flyer / Brochure / Leaflet/ Videos*
6. *Facebook Sahabat Farmasi (<https://www.facebook.com/SahabatFarmasiMelaka>)*

**SYARAT- SYARAT PENYERTAAN**

1. Penyertaan pertandingan ini adalah percuma. Pertandingan ini juga terbuka kepada semua warganegara Malaysia untuk menyertainya secara individu/perseorangan. Ahli Jawatankuasa Karnival Sahabat Farmasi tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini. Setiap penyertaan mestilah disertai dengan maklumat-maklumat berikut:
  - Nama Penuh
  - No. Kad Pengenalan
  - Alamat surat-menyurat
  - No. Telefon
  - E-mel
2. Ciptaan mestilah **ASLI** dan **tidak diveduk/ditiru/diciplak** dari mana-mana ikon/ ikon tempatan mahupun dari luar negara
3. Pereka hendaklah memastikan keaslian ikon yang dicipta terpelihara. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hakcipta ikon tersebut.
4. Setiap penyertaan ikon yang diterima tidak akan dipulangkan dan akan menjadi hak milik Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.
5. Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka juga mempunyai hak untuk mengubahsuai ikon yang direka cipta oleh peserta.

6. Setiap peserta hanya boleh menghantar tidak lebih daripada 2 penyertaan.
7. Hadiah pemenang adalah seperti berikut :
  - **Pertama** : RM 1000 dan sijil penghargaan
  - **Saguhati x30** : T-Shirt Sahabat Farmasi dan sijil penghargaan
8. Pemenang akan dihubungi melalui surat/telefon/e-mel. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Karnival Sahabat Farmasi berhak untuk tidak memilih pemenang utama di kalangan peserta bertanding sekiranya panel hakim memutuskan bahawa tiada peserta yang layak untuk dianugerah sebagai pemenang.
9. Penyertaan yang tidak mengikut kehendak syarat-syarat penyertaan di atas dan dihantar lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan layan dan penyertaan akan terbatal secara automatik. Sebarang rayuan tidak akan diterima.
10. Segala kos untuk menyertai pertandingan ini atas tanggungan peserta sendiri.
11. Keputusan panel hakim adalah muktamad
12. Penyertaan dibuka mulai **2 JUN 2014 ( Isnin) hingga 31 JULAI 2014 ( KHAMIS)**.
13. **Semua penyertaan hendaklah sampai pada/sebelum 31 JULAI 2014 ( KHAMIS). (5pm) ke alamat:**

**JAWATANKUASA KARNIVAL SAHABAT FARMASI**  
**BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI,**  
**ARAS 3, WISMA PERSEKUTUAN,**  
**JALAN BUSINESS CITY, BANDAR MITC,**  
**75450 AYER KEROH, MELAKA**  
**(U/P: CIK LOW/ EN. ANTHONY)**  
**ATAU emel [chernfuong@moh.gov.my](mailto:chernfuong@moh.gov.my)/[anthonystc@moh.gov.my](mailto:anthonystc@moh.gov.my)**
14. Pastikan subjek emel atau muka depan sampul surat tertulis '**Pertandingan Mencari Ikon Sahabat Farmasi** '
15. Bahagian Perkhidmatan Farmasi Melaka berhak meminda sebarang syarat pertandingan tanpa notis awal.